



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
مجلس بنداراي قتاليج جايا



AIR “GUTTER”

PROJEK INOVASI
JABATAN KAWALAN BANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.youtube.com/pjcitycouncil)

NAMA INOVASI	AIR “GUTTER” YANG EFISIEN
RINGKASAN INOVASI	
KLUSTER	Perkhidmatan Sosial
PUNCA	Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)
STATUS INOVASI	Telah memohon pendaftaran harta intelek
LATAR BELAKANG PROJEK (proses sebelum dan selepas, elemen penurunan kuasa (jika ada), pelaksanaan inhouse/ outsource dsb)	<p>PROSES SEBELUM Kumpulan VERT telah mengenal pasti sepuluh isu menggunakan kaedah Rajah Hubungkait dan SMART. Isu yang dipilih ialah Pemasangan Air Gutter Yang Kurang Efisien.</p> <p>Kajian menjurus kepada peralatan tadah, tapis, takung serta penyaluran dalam paip. Sebelum projek dijalankan air hujan yang jatuh di bumbung surau sekolah didapati terbuang begitu sahaja kerana tiada perancangan dan peralatan tadah, tapis dan takung. Pihak sekolah juga sebenarnya banyak membuat pembaziran air paip bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran murid-murid mengenai berwuduk, ternakan ikan hiasan dan basuhan serta tanaman sayur-sayuran.</p> <p>PROSES SELEPAS Dengan adanya projek ini pembaziran air dapat dijimatkan dan rancangan sekolah dalam mata pelajaran RBT dapat diteruskan. Peranan Majlis merealisasikan peraturan Sistem SPAH 1986, ia menjadi projek rujukan untuk orang awam yang memiliki premis dalam kawasan Petaling Jaya. Projek ini juga berkaitan dengan Pelan Strategik MBPJ, Rancangan Bumi Hijau dan Wawasan 2030.</p> <p>Jabatan Kawalan Bangunan bersedia mengambil tindakan susulan hasil daripada projek ini iaitu meminda Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, MS ISO dan mempromosikan model ini ke semua pameran Majlis dalam Negeri Selangor serta sekolah-sekolah dalam kawasan Petaling Jaya.</p>

KUMPULAN SASAR & SKOP LIPUTAN	Darjah 4, 5 dan 6 (sekolah PPKI), PIBG, sekolah-sekolah di sekitar Petaling Jaya, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama.
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tangki penyimpanan air hujan boleh bertahan selama 2 minggu sekiranya bekalan Air Selangor terputus. 2. Seramai 500 orang murid boleh mengambil wuduk dalam satu masa. 3. Penjimatan bil air sebanyak 20%.
PENERANGAN	
A. Kreativiti	<p>Penambahan beberapa item/ciri/komponen bagi menambah baik dan meningkat mutu projek seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemasangan tangki air daripada 1 tangki kepada 3 tangki. 2. Pemasangan meter. 3. Penyambungan paip Air Selangor dengan tangki sedia ada. 4. Penyambungan paip AIR "GUTTER" ke tandas-tandas. 5. Memperluaskan penggunaan AIR "GUTTER" daripada 7 buah sekolah kepada 9 Pejabat Pendidikan Daerah dalam Negeri Selangor. 6. Menyimpan segala data penjimatan air sekolah yang terpilih di SMART CENTRE, MBPJ.
B. Keberkesanan	Sambutan yang baik dalam kalangan pendidik dan mendapat sokongan dari Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama. Datuk Bandar juga telah bersetuju menyeragamkan dan telah mendapat pengiktirafan daripada pihak KPKT serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan UNESCO Learning City.
C. Relevan	Memberi impak yang besar apabila berkaitan dengan isu semasa terutama masalah gangguan bekalan air di seluruh Negeri Selangor sepanjang Tahun 2020.
D. Signifikansi	Penjimatan air, penjimatan masa, kepuasan hati pelanggan, meningkatkan produktiviti dan pengumpulan data penjimatan air di SMART CENTRE, MBPJ.

PENCAPAIAN

- Berjaya diaplikasi/digunakan di sekolah-sekolah (PPKI) sekitar Petaling Jaya.
- Datuk Bandar bersetuju projek ini diguna pakai secara tetap atau diseragamkan kepada semua premis dalam kawasan Petaling Jaya mulai 30 Januari 2020.
- Projek ini juga telah dilaksanakan sebagai 'Benchmarking' di Sekolah Kebangsaan (1) Sultan Alam Shah. Projek ini telah diperluaskan kepada 7 buah sekolah yang terpilih.
- Mendapat pengiktirafan daripada pihak UNESCO Learning City.
- Mendapat pengiktirafan daripada pihak KPKT sebagai penceramah secara dalam talian untuk PBT.
- Berjaya mendapat pengiktirafan daripada Ahli Majlis, pihak UPEN dan Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Mendapat anugerah sijil penghargaan daripada sekolah-sekolah yang terlibat.
- Mendapat tempat ketiga dalam Majlis Persada Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018.
- Mendapat tempat pertama dalam Majlis Persada Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2020.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU)

PERJANJIAN KERJASAMA PROJEK SPAH BERSAMA 7 BUAH SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

Dalam hal ini bertindak untuk dan atas nama 7 buah Sekolah Pendidikan Khas di Petaling Jaya, Selangor selanjutnya disebut PIHAK KEDUA

Kedua belah pihak sepakat untuk mengadakan perjanjian kerjasama dengan ketentuan sebagai berikut:

Pasal 1 MAKSUD DAN TUJUAN

PIHAK PERTAMA dan PIHAK KEDUA sepakat untuk saling membantu dalam melaksanakan projek SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPA) di 7 buah Sekolah Pendidikan Khas di Petaling Jaya, Selangor pada setiap kegiatan yang sesuai dengan segmen fasa dari kedua belah pihak

Pasal 2 BENTUK KERJASAMA

Akan memberikan fasiliti sebagai berikut:

- Memberi perkhidmatan secara percuma
- Menghadiri mesyuarat bersama MBPJ
- Melantik Ahli Jawatankuasa
- Menyediakan lokasi meletak SPAH
- Kos ditanggung bersama termasuk kos penyelenggaraan
- Pemantauan dibuat oleh kedua-dua pihak
- Boleh membuat kajian ujicuba bersama

Yang dipersetujui oleh:


Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya


Pengetua
SMK
KELANA JAYA


Pengetua
SMK
SULTAN ABDUL SAMAD


Pengetua
SMK
DATO HARUN


Pengetua
SMK
SEKSYEN 4


Guru Besar
SK SRI DAMAI


Guru Besar
SK DAMANSARA JAYA (1)


Guru Besar
SK SRI KELANA

Kumpulan Projek

